

**PKBS BULAN OKTOBER TAHUN 2016
PEMAHAMAN BAHASA MELAYU TAHUN 2**

NAMA : _____ () MARKAH : _____ %

KELAS : _____ TANDATANGAN IBU BAPA : _____

Kertas ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Jawab semua soalan pada kedua-dua bahagian ini.

Bahagian A: Setiap soalan mempunyai empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Buatlah satu jawapan sahaja bagi setiap soalan tersebut. (20x2% = 40%)

1. Ah Meng, Ai Ling dan Raju menyaksikan perarakan sempena bulan kemerdekaan. _____ mengibarkan Jalur Gemilang bersama-sama.
- A. Mereka
 - B. Awak
 - C. Anda
 - D. Dia

2. "Mengapa _____ tidak ikut serta melawat ke ladang anggur, Halim?" tanya Kim Ho kepada Halim.
- A. kita
 - B. kamu
 - C. kami
 - D. dia

3. "Saya, Ben Li dan Adam pulang ke kampung. _____ membantu nenek mengutip telur itik," cerita Aiman kepada adik.
- A. Anda
 - B. Kami
 - C. Kita
 - D. Kamu


4. Kavita suka _____ teh tarik.
- A. makan
 - B. minum
 - C. siram
 - D. sapu

Soalan nombor 5 berdasarkan gambar di bawah.



5. Ibu sedang _____ teh hijau ke dalam cawan.
- A. masak
 - B. cuci
 - C. simpan
 - D. tuang
6. "_____ beg plastik ini ke dalam tong sampah yang berwarna jingga," kata ibu kepada adik.
- A. Bawa
 - B. Simpan
 - C. Cuci
 - D. Buang

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



7. Mereka _____ di air terjun Taman Negara.

- A. lari
- B. terjun
- C. mandi
- D. mendayung

8. _____ makanan kegemaran kamu?

- A. Bilakah
- B. Siapakah
- C. Apakah
- D. Mengapakah

9. _____ yang membuang plastik sampah di sini?

- A. Berapakah
- B. Bilakah
- C. Siapakah
- D. Apakah

10. _____ Kempen Beg Hijau itu akan diadakan di sekolah?

- A. Berapakah
- B. Bilakah
- C. Siapakah
- D. Di manakah


11. _____ harga telur asin ini?

- A. Berapakah
- B. Bilakah
- C. Siapakah
- D. Apakah

12. Pada masa dahulu, _____ digunakan untuk menghancurkan cili, bawang dan rempah ratus.

- A. pengisar
- B. cermin
- C. lesung batu
- D. gunting

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



13. _____ digunakan oleh doktor untuk mengesan bunyi dalam tubuh manusia.

- A. Kamera
- B. Teropong
- C. Stetoskop
- D. Periskop

14. Murid-murid Tahun 2 Rajin diminta menulis nama tempat-tempat yang pernah mereka _____.

- A. lawati
- B. lawat
- C. melawat
- D. menemui

15. Wah istimewanya pokok ini

Pilih tanda baca yang betul.

- A. Wah! Istimewanya pokok ini.
- B. Wah, istimewanya pokok ini?
- C. Wah, istimewanya pokok ini!
- D. Wah! Istimewanya pokok ini?

16. Gopal suka makan daging itik _____ Raju suka makan telur itik.

- A. lalu
- B. sambil
- C. tetapi
- D. kerana

17. Dia suka minum teh panas?

Dia suka minum teh ais?

Gabungkan ayat tunggal di atas menjadi ayat majmuk.

- A. Dia suka minum teh panas sambil teh ais.
- B. Dia suka minum teh panas atau teh ais?
- C. Dia suka minum teh panas dan teh ais.
- D. Dia suka minum teh panas lalu teh ais.

18. Pilih perkataan dua suku kata.

- A. utama
- B. panas
- C. meragut
- D. membantu

19. Pilih perkataan yang mengandungi vokal berganding.

- A. amboi
- B. tuala
- C. pulau
- D. straw


20. Pilih perkataan yang mengandungi digraf.

- A. stor
- B. kacang
- C. plastik
- D. skru


More from
www.30.com.my
Not for sale

Bahagian B: Jawab semua soalan di bahagian ini. Tulis jawapan anda pada ruang yang telah disediakan.

- 1) Tulis persamaan dan perbezaan jus anggur dan kismis berdasarkan bahan grafik di bawah. (8x2% = 16%)



Jus anggur berasal dari buah anggur. Jus anggur merupakan buah anggur yang dikisar. Buah anggur dikisar menggunakan mesin pengisar. Rasa jus anggur ini manis.



Kismis berasal dari buah anggur. Kismis merupakan buah anggur yang dikeringkan. Buah anggur dikeringkan di atas para. Rasa kismis ini manis.

	Jus Anggur	Kismis
Persamaan	1. _____ 2. _____	1. _____ 2. _____
Perbezaan	1. _____ 2. _____	1. _____ 2. _____

- II) Isi tempat kosong dengan kata kerja tunggal yang sesuai. (5x1% = 5%)

- "Aiman, _____ itik-itik itu masuk ke dalam reban," Kata nenek.
- Swee Ling sedang _____ teh panas itu ke dalam cawan.
- Kavita bantu kakak _____ anggur sehingga lumat.
- Anisa suka _____ telur di ladang datuk.
- Ibu _____ air gula itu sehingga sebatu.

kisar
kacau
tuang
kutip
halau

III) Lengkapkan dialog berdasarkan maklumat di bawah. (6x2% = 12%)

Lawatan ke Taman Negara

Tarikh : 12 Oktober 2016
Masa : 8 pagi hingga 5 petang
Peserta : Terbuka kepada semua murid tahun 2
Aktiviti : 1. meneroka gua
2. melihat burung-burung
3. mandi air terjun
4. melawat ke rumah orang asli

Yuran penyertaan sebanyak RM 20.

Ben Li : Hai, Aiman! Awak hendak ke mana?

Aiman : Hai, Ben Li! Saya hendak menampal brosur tentang _____

Mimi : Wah, seronoknya! Siapa yang boleh menyertai lawatan itu, Ben Li?

Ben Li : Lawatan ini terbuka kepada _____, Mimi.

Aiman : Bilakah lawatan itu akan diadakan?

Ben Li : Lawatan itu akan diadakan pada _____. Lawatan ini hanya sehari sahaja iaitu dari pukul _____

Mimi : Apakah aktiviti yang dijalankan sepanjang lawatan itu, Ben Li?

Ben Li : Banyak aktiviti yang akan dijalankan sepanjang lawatan itu. Antaranya meneroka gua, _____ mandi air terjun dan melawat ke rumah orang asli.

Aiman : Wah, menariknya! Saya mahu menyertai lawatan ini.

Ben Li : Marilah ikut serta Mimi. Kita hanya akan perlu membayar sebanyak _____ sebagai yuran penyertaan.

IV) Isi tempat kosong dengan kata hubung gabungan yang sesuai. (5x1% = 5%)

1. Lisa tidak pasti hendak menyertai lawatan itu _____ tidak.
2. Abang terpandang seekor monyet _____ mengambil gambar.
3. Kevin berjalan _____ bersiul.
4. Aiman _____ Farah sangat teruja melihat seekor burung merak.
5. Mohan dahaga _____ dia tidak membawa bekalan air.

dan
tetapi
lahu
sambil
atau

V) Jawab soalan pemahaman di bawah berdasarkan petikan yang diberi. (5x2% = 10%)

Kitar semula ialah suatu proses untuk mengubah sisa kepada sumber yang bernilai. Kitar semula amat penting dilakukan untuk mengelakkan pencemaran alam. Banyak barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik, besi dan aluminium. Namun, terdapat juga barangan yang tidak dapat dikitar semula seperti tin cat, mentol dan kertas tisu. Oleh itu, kita perlu membuang sampah ke dalam tong kitar semula supaya sampah dapat diasingkan.

1. Apakah itu kitar semula?

Kitar semula ialah _____

2. Mengapakah kitar semula amat penting dilakukan?

Kitar semula amat penting dilakukan _____

3. Apakah barangan yang boleh dikitar semula?

Barangan yang boleh dikitar semula ialah kertas _____ dan aluminium.


4. Apakah barangan yang tidak boleh dikitar semula?

Barangan yang tidak boleh dikitar semula ialah _____ dan kertas tisu.


5. Di manakah kita perlu membuang sampah?

Kita perlu membuang sampah ke dalam _____


VI) Isi tempat kosong di bawah menggunakan konsonan bergabung seperti st, sp, pl, dan sk
(6x2% = 12%)



_____ru



_____or




beg _____astik



_____raw



_____an



_____oking

Kertas soalan tamat.

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

Disemak oleh:

TAHUN 2016 PEMAHAMAN BAHASA MELAYU TAHUN 2

Bahagian A

1. A
2. B
3. B
4. B
5. D
6. A
7. C
8. C
9. C
10. D
11. A
12. C
13. C
14. A
15. C
16. C
17. B
18. B
19. A
20. B

Bahagian B

- I) Jus Anggur
Persamaan : 1. bersal dari buah anggur
2. rasa jus anggur ini manis
Perbezaan : 1. dikisar menggunakan mesin pengisar
2. buah anggur dikisar menggunakan mesin pengisar.
- Kismis
Persamaan : 1. bersal dari buah anggur
2. rasa jus anggur ini manis
Perbezaan : 1. dikeringkan di atas para.
2. Buah Kismis dikeringkan di atas para
- II) 1. halau
2. tuang
3. kisar
4. kutip
5. kacau

- III) lawatan ke Taman Negara
semua murid tahun 2
12 Oktober 2016
8 pagi hingga 5 petang
Melihat barang-barang
RM20
- IV) 1. atau
2. lalu
3. sambil
4. dan
5. tetapi
- V) 1. suatu proses untuk mengubah sisa kepada sumber yang bernilai
2. untuk mengelakkan pencemaran alam
3. plastic, besi
4. tin cat, mentol
5. tong kitar semula supaya sampah dapat diasingkan
- VI) 1. skru
2. stor
3. beg plastic
4. straw
5. span
6. stoking

《写作练习班》由华小老师设计, 讲解, 再替你批改作文的写作课程!



点击这里购买完整版: <https://30.com.my/writing>

或者免费注册体验版 <https://30.com.my/writing-trial>

超值配套! 最优惠的价格购买《小作家课程》和《写作练习班》: <https://30.com.my/package>



只需一次付费, 即可使用长达三年! 而且内容会持续更新, 不另加收费!